



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِسلامِ نَغَرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِخْطَبَةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

07 SYAWAL 1447H/ 27 MAC 2026M

“SYAWAL: BULAN KESYUKURAN”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يٰۤأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas segala nikmat yang dikurniakan kepada kita, khususnya nikmat kehidupan, kesihatan serta peluang untuk terus beribadah kepada-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba yang sentiasa istiqamah melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya dengan penuh keikhlasan dan kesabaran, tanpa rasa jemu atau lalai. Sesungguhnya hanya dengan iman yang teguh, amal yang berterusan serta ketaatan yang ikhlas, seseorang itu akan diangkat darjatnya di sisi Allah SWT sebagai hamba yang bertakwa. Pada kesempatan ini, khatib ingin mengingatkan para jamaah sekalian agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Hindarilah daripada melakukan perkara-perkara yang sia-sia seperti berbual-bual, menggunakan telefon bimbit atau tidur, kerana perbuatan tersebut boleh menghilangkan pahala dan mengurangkan

keberkatan ibadah Jumaat kita. Mimbar Jumaat pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Syawal: Bulan Kesyukuran.”**

JAMAAH JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT,

Kita telah melalui bulan Ramadan yang penuh keberkatan, bulan yang mendidik jiwa, membersihkan hati dan menguatkan hubungan kita dengan Allah SWT. Kini, kita berada dalam bulan Syawal, bulan yang menuntut kita untuk mensyukuri nikmat kemenangan setelah berjaya melaksanakan ibadah puasa dan amal soleh. Ini selaras dengan firman Allah SWT pada mukadimah khutbah sebentar tadi, yakni dalam surah Ibrahim, ayat 7 yang **bermaksud**: *“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Aku akan menambah (nikmat) kepada kamu; dan jika kamu kufur (ingkar), maka sesungguhnya azab-Ku sangatlah berat.”*

Ayat ini mengingatkan kita bahawa sifat bersyukur bukan sekadar ucapan di lisan, tetapi mesti dizahirkan melalui ketaatan yang sebenar kepada Allah SWT. Daripada Anas bin Malik *radiallahuanhu*, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَيَرْضَى عَنِ الْعَبْدِ أَنْ يَأْكُلَ الْأَكْلَةَ فَيَحْمَدُهُ عَلَيْهَا، أَوْ يَشْرَبَ الشَّرْبَةَ فَيَحْمَدُهُ عَلَيْهَا.

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah reda kepada seorang hamba apabila dia makan sesuatu makanan lalu memuji Allah atasnya, atau minum sesuatu minuman lalu memuji Allah atasnya.”* (Riwayat Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa kesyukuran itu merangkumi seluruh kehidupan, sama ada dalam perkara besar mahupun kecil. Amalan kecil seperti bersyukur atas makanan atau minuman dianggap sebagai ibadah

dan mendekatkan hamba kepada Allah. Namun begitu, kesyukuran yang sebenar tidak terhenti selepas Ramadan, bahkan mesti diteruskan dengan istiqamah dalam beramal. Rasulullah SAW bersabda:

أَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ أَدْوَمُهَا وَإِنْ قَلَّ.

Maksudnya: *“Amalan yang paling dicintai oleh Allah ialah amalan yang berterusan walaupun sedikit.”* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

MUSLIMIN YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,

Aidilfitri yang kita sambut bukan sekadar hari bergembira, tetapi merupakan tanda kesyukuran kepada Allah SWT. Kita dianjurkan untuk saling bermaafan, mengeratkan silaturahim dan menyuburkan ukhuwah sesama manusia.

Dalam konteks masyarakat di negeri Sabah yang berbilang kaum dan agama, Syawal mengajar kita untuk mengekalkan suasana harmoni, saling menghormati dan hidup dalam semangat perpaduan. Islam menyeru kepada keadilan, toleransi dan kasih sayang. Islam melarang segala bentuk permusuhan dan perpecahan. Sesungguhnya keamanan dan keharmonian yang kita nikmati hari ini adalah nikmat yang sangat besar. Maka peliharalah dengan penuh tanggungjawab, agar negeri kita terus berada dalam keadaan aman dan diberkati Allah SWT.

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT

Sesungguhnya Syawal adalah bulan yang menguji sejauh mana kita benar-benar mensyukuri nikmat yang Allah SWT kurniakan selepas melalui madrasah Ramadan. Janganlah kita menjadi golongan yang kembali lalai, yang hanya beribadah ketika Ramadan, tetapi kembali alpa apabila Syawal menjelma.

Ketahuiilah bahawa kesyukuran yang sebenar bukan diukur dengan kemeriahan sambutan, tetapi dengan sejauh mana kita mampu mengekalkan ketaatan kepada Allah SWT. Jika nikmat Syawal tidak disertai dengan iman, maka boleh membawa kepada kelalaian; jika kegembiraan tidak dipandu oleh ibadah, ia boleh menjerumuskan kepada kealpaan; dan jika kesenangan tidak disertai dengan takwa, boleh mengundang kerosakan.

Oleh itu, marilah kita menjadikan Syawal ini sebagai medan untuk melakukan amalan kebaikan berterusan, memperkukuhkan ibadah dan memelihara hubungan dengan Allah SWT, agar kehidupan kita sentiasa berada dalam limpahan rahmat dan keberkatan-Nya. Firman Allah SWT dalam surah Hud ayat 112:

فَأَسْتَقِمَّ كَمَا أُمِرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٢﴾

Maksudnya: *"Maka hendaklah engkau tetap teguh (istiqamah) sebagaimana yang diperintahkan, bersama orang-orang yang telah bertaubat bersamamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Dia Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan".*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI,

Dalam kesempatan yang penuh keberkatan ini, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, seterusnya menzahirkan penghargaan serta iringan doa khususnya kepada **Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman** bersempena dengan ulang tahun kelahiran rasmi Tuan Yang Terutama Tun yang Ke-75 pada 30 Mac 2026.

Sesungguhnya kepimpinan yang berteraskan kebijaksanaan, keadilan dan keprihatinan amat penting dalam memastikan kestabilan serta kesejahteraan sesebuah negeri sentiasa terpelihara. Justeru, marilah kita bersama-sama mendoakan agar Allah SWT terus mengurniakan kesihatan yang berpanjangan, kesejahteraan hidup serta limpahan rahmat dan keberkatan kepada Tuan Yang Terutama Tun dalam meneruskan amanah memimpin negeri ini dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan, demi kemakmuran rakyat serta keharmonian negeri Sabah yang kita cintai.

JAMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Sebagai manifestasi kesyukuran atas nikmat Aidilfitri serta dalam usaha untuk terus memperkukuhkan hubungan silaturahim masyarakat yang berbilang kaum, dimaklumkan juga bahawa **Majlis Kesyukuran Aidilfitri Kerajaan Negeri Sabah akan diadakan di Sabah International Convention Centre (SICC) pada 28 Mac pukul 10 pagi.**

Majlis ini bukan sahaja menjadi medan untuk menyemarakkan semangat perpaduan dan keharmonian, bahkan turut menjadi wadah untuk mengeratkan lagi hubungan antara pemimpin bersama rakyat dalam suasana yang penuh mahabbah yakni kasih sayang. Sehubungan dengan itu, orang ramai dijemput hadir bagi bersama-sama memeriahkan sambutan tersebut, seterusnya menzahirkan rasa syukur atas nikmat keamanan dan kesejahteraan yang dikecapi selama ini.

وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ.
فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ
عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَحَامَةِ
الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan guncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com